

SinarIslam

- Penceritaan bernombor ini menjadi sebahagian bukti mukjizat al-Quran dalam kepelbagaian gaya penerangan sesuatu hukum.
- Pecahan nombor yang selalu dipelajari dalam matematik menjadikan ilmu faraid bersifat unik dan tersendiri.

Formula faraid ada pada pecahannya



Solat malam penawar kelukaan

MS 20 & 21

Jadual 1 ini menunjukkan setiap waris memperoleh bahagian masing-masing mengikut pecahan yang ditetapkan berdasarkan situasi dan syarat yang diperincikan dalam perbincangan ilmu faraid. Sebagai contoh, suami kepada si mati (isterinya) memperoleh dua bahagian faraid iaitu satu perdua ($1/2$) atau satu perempat ($1/4$).

Suami akan mendapat satu perdua apabila isterinya meninggal dunia dan tidak meninggalkan sebarang zuriat iaitu anak atau cucu daripada anak lelaki dan ke bawah.

Manakala suami akan mendapat satu perempat apabila isterinya yang meninggal dunia meninggalkan syarat sebelum ini. Begitulah yang berlaku kepada waris *ashab al-furud* lain yang akan memperoleh faraid mengikut syarat yang ditetapkan.

Dalam agihan faraid secara pecahan, dapat difahami keanjalan hukum Islam itu sendiri kerana meraikan kepelbagaian kondisi keluarga si mati dan perbezaan nilai harta yang ditinggalkan.

Walaupun waris antara dua individu berkemungkinan sama, tetapi nilai harta pusaka biasanya berbeza. Oleh itu, penentuan dalam bentuk pecahan

PECAHAN-pecahan berkaitan faraid disebut secara dominan dalam al-Quran iaitu enam pecahan daripada lapan yang disebut oleh ALLAH SWT.

Penceritaan bernombor ini menjadi sebahagian bukti mukjizat al-Quran dalam kepelbagaian gaya penerangan sesuatu hukum. Penguasaan pecahan faraid ini menggambarkan suatu bentuk



formula yang memerlukan kepada kekuatan dan ketelitian ingatan dalam pembahagian setiap harta pusaka si mati.

Di pihak waris, pengetahuan asas tentang agihan harta pusaka bermula dengan maklumat berkaitan pecahan dalam pembahagian faraid.

Hal ini penting bagi memastikan harta pusaka yang

ditinggalkan si mati diberikan haknya kepada mereka yang berhak. Pecahan-pecahan faraid ini berperanan memperincikan lagi habuan yang diperolehi setiap waris si mati selepas kenyataan yang umum melalui firman ALLAH: *Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh ALLAH).*

[Surah an-Nisa' 4: 7]

Pecahan-pecahan nombor yang selalu dipelajari dalam matematik menjadikan ilmu faraid bersifat unik dan tersendiri. Enam pecahan yang khusus berkaitan perundangan faraid ialah satu perdua [1/2], satu perempat [1/4], satu perdelapan [1/8], dua pertiga [2/3], satu pertiga [1/3] dan satu perenam [1/6].

Setiap waris yang mendapat pecahan-pecahan ini akan digelar dengan waris *ashab al-furud* iaitu mereka yang memperolehi harta pusaka secara tetap. Waris *ashab al-furud* terdiri daripada 12 orang yang meliputi empat orang lelaki dan lapan orang perempuan. Ringkasan formula pecahan faraid kepada setiap waris *ashab al-furud* adalah seperti jadual 1.

Jadual 1: Formula pecahan faraid kepada waris *ashab al-furud*

Bil	Waris Ashab al-Furud	1/2	1/4	1/8	2/3	1/3	1/6
1	Suami	√	√				
2	Saudara lelaki seibu					√	√
3	Bapa						√
4	Datuk						√
5	Isteri		√	√			
6	Ibu					√	√
7	Nenek						√
8	Anak perempuan	√			√		
9	Cucu perempuan	√			√		√
10	Saudara perempuan kandung	√			√		
11	Saudara perempuan sebapa	√			√		√
12	Saudara perempuan seibu					√	√

“Penceritaan bernombor ini menjadi sebahagian bukti mukjizat al-Quran dalam kepelbagaian gaya penerangan sesuatu hukum. Penguasaan pecahan faraid ini menggambarkan suatu bentuk formula yang memerlukan kepada kekuatan dan ketelitian ingatan dalam pembahagian setiap harta pusaka si mati.”

adalah signifikan dan dapat mengagihkan nilai harta pusaka sebenar kepada setiap waris.

Sebagai contoh dalam jadual 2, dua orang (si mati A dan si mati B) meninggalkan dunia meninggalkan waris yang sama iaitu ibu, seorang isteri dan seorang anak lelaki. Penyelesaian faraid untuk kedua-dua si mati ialah sama iaitu ibu mendapat 1/6 (menyamai 4/24), isteri mendapat 1/8 (menyamai 3/24) dan anak lelaki mendapat baki iaitu sebanyak 17/24.

Dengan andaian si mati A meninggalkan harta sebanyak RM12,000 dan si mati B meninggalkan RM36,000, maka setiap waris akan memperolehi habuan yang berbeza walaupun pecahan asal adalah sama.

Jadual 2: Pecahan faraid yang sama tetapi nilai harta pusaka berbeza

Kes Si Mati A			
Waris	Kadar Tetap	Saham	Nilai Harta
Ibu	1/6	4/24	RM2000
Isteri	1/8	3/24	RM1500
Anak lelaki	'asabah (baki)	17/24	RM8500
Jumlah		24/24	RM12000

Kes Si Mati B			
Waris	Kadar Tetap	Saham	Nilai Harta
Ibu	1/6	4/24	RM6000
Isteri	1/8	3/24	RM4500
Anak lelaki	'asabah (baki)	17/24	RM25500
Jumlah		24/24	RM36000